



FAKULTAS

JURNAL KOLEJ CEMPAKA KENANGA

BIL 01 DIS - MEI 2000

ISSN : 1511-7472

14 JUL 2000
UNTUK EDARAN DALAMAN

Bahasa Melayu

Aspek Kebudayaan dan Perpaduan Kaum : Relevannya dengan IPTA

A. Aziz Deraman

Maklumat (IT) dalam Pendidikan Sekolah Bestari

Raja Abdullah Yaacob & Saidina Omar Samsuri

Hakcipta Intelektual Era Digital Menurut Islam

Mohd Nor Mamat

Anda dan Pembacaan

Zohra Ibrahim

Kumpulan Pendesak/Seminat

Posiah Mohd Isa

Bahasa Inggeris

The Changing Role of the Secretarial Profession

Halijah Abdul Rahman

An Insight Into the Global Market Penetration by

A Malaysian Construction Firm :

Evaluation of the Construction Industry in International Markets

Noraliza Haji Basrah

KOSMOLOGI KEILMUAN PADA MILENIUM SIBER

Motivasi & Pemantapan Akademik

Teknik Peperiksaan

Habibah Lehar

Getting Ready for A Basic Accounting Examination!

Khashi'ah Yusof

Mendengar dan Menggalakkan Manusia Bercakap

Darussalam Abu Bakar

FAKULTAS

JURNAL KOLEJ CEMPAKA KENANGA

“ KOSMOLOGI KETAKUAN PADA MILLENIUM SIBER ”

© Kolej Cempaka Kenanga
Universiti Teknologi Mara Shah Alam

Cetakan Pertama, Mei 2000

Hakcipta adalah terpelihara. Mana-mana artikel atau isi kandungan jurnal ini tidak boleh diterbitkan semula ataupun disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara sekalipun termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebagainya tanpa mendapat izin bertulis daripada pihak penerbit.

Semua artikel adalah tanggungjawab penulis sepenuhnya dan tidak semestinya merupakan pandangan pihak penerbit.

*Susun Atur Teks: Times New Roman
Saiz Huruf: 11 poin
Rekabentuk Kulit: Mohd Nor Mamat*

ISSN: 1511-7472

Diterbitkan oleh:
Kolej Cempaka Kenanga
Universiti Teknologi Mara
40450 Shah Alam, Selangor, MALAYSIA
E-mail : fakultas@hotmail.com

Dicetak oleh:
Univision Press Sdn Bhd (473080-W)
Taman Samudra, Bt Caves,
Selangor, MALAYSIA
Tel: 03-6892679/3386 Fax:03-6871053
E-mail : unvision@tm.net.my

SENARAI PENYUMBANG

1. Tuan Haji A. Aziz Deraman
Ketua Pengarah
Dewan Bahasa dan Pustaka
2. Profesor Madya Dr Raja Abdullah Yaacob
Dekan
Fakulti Pengajian Maklumat UiTM
3. En Saidina Omar Samsuri
Fakulti Pengajian Maklumat UiTM
4. Us. Mohd. Nor Mamat
Pusat Pendidikan Islam UiTM
5. Dr. Žohra Ibrahim
Fakulti Pengajian Maklumat UiTM
6. Dr. Posiah Isa
Fakulti Pentadbiran & Undang-Undang UiTM
7. Cik Halifah Abd. Rahman
Fakulti Pengurusan Teknologi Pejabat UiTM
8. Cik Noraliza Hj. Basrah
Fakulti Sains Perancangan dan Ukur UiTM
9. Pn Habibah Lehar
Fakulti Pengurusan Perniagaan UiTM
10. Pn Khashi'ah Yusof
Fakulti Perakaunan UiTM
11. En. Darussalam Abu Bakar
Ketua Kursus Penyiarian
Fakulti Sebaran Am UiTM

LEMBAGA EDITORIAL

Penaung
 Datuk Prof Ir. Dr Haji
 Ahmad Zaidee Ladin

Penasihat Khas
 Prof Madya
 Dr Yaacob Yusof

Penasihat
 Cik Noraliza Basrah

Koordinator
 Us Mohd Nor Mamat

Ex Officio
 Rafidah Abdul Aziz

Ketua Editor
 Haslina Abu Samad

Pen Ketua Editor
 Haniza Othman

Editor
 Ellyna Yusof
 Liza Imelia M.Sulanah
 Sh Radhiah Said Alwi
 Siti Raudhah Shaari
 Nazathul Shima Azizi
 Azimah Kassim
 Zatul Iffah Abdul Halil
 Tn Noraiham Tn Yasin
 Suriati Abd Shukor
 PurnamaSari Sahmawi
 Istiqamah Subuki
 Hazilah Mat Isa

ISI KANDUNGAN

Aspek Kebudayaan dan Perpaduan Kaum Relevannya dengan IPTA: Satu Analisis <i>Tuan Haji A. Aziz Deraman</i>	1
Maklumat (IT) dalam Pendidikan Sekolah Bestari <i>Profesor Madya Dr Raja Abdullah Yaacob & Saidina Omar Samsuri</i>	25
Hakcipta Intelektual Era Digital Menurut Islam <i>Mohd Nor Mamat</i>	35
Anda dan Pembacaan <i>Dr Zohra Ibrahim</i>	49
Kumpulan Pendesak/Seminat <i>Dr Posiah Mhd Isa</i>	57
The Changing Role of the Secretarial Profession <i>Halifah Abdul Rahman</i>	67
An Insight Into the Global Market Penetration by A Malaysian Construction Firm: Evaluation of the Construction Industry in International Markets <i>Noraliza Basrah</i>	75
Teknik Peperiksaan <i>Habibah Lehar</i>	95
Getting Ready for A Basic Accounting Exam!	101
Mendengar & Menggalakkan Manusia Bercakap <i>Darussalam Abu Bakar</i>	111
<i>Jemputan Penulisan Artikel Jurnal Bil 02 Jun-Dis 2000</i>	119

ANDA DAN PEMBACAAN

Zohra Ibrahim (Dr)

Pengenalan

Kehidupan sebagai pelajar dipenuhi dengan aktiviti yang melibatkan pembelajaran, pencarian ilmu baru, penambahan ilmu yang sedia ada serta mendapatkan pendedahan kepada bahan atau teknologi yang terkini. Zaman pelajar merupakan zaman yang paling bermakna kerana secara tidak langsung ia akan menentukan kerjaya, pencapaian serta lorong kepada kejayaan atau kegagalan dalam hidup. Gagne (1988), menyatakan pembelajaran merupakan satu proses, yang terjadi dalam pemikiran seseorang. Ia merupakan satu proses yang rumit serta kompleks kerana sukar bagi insan secara umumnya untuk memahami apa yang terjadi semasa pembelajaran berlaku. Berdasarkan aspek ini pakar-pakar bidang pendidikan telah melakukan pelbagai ujikaji bagi menentukan prinsip pembelajaran, model pembelajaran serta strategi pembelajaran. Pembacaan merupakan salah satu aspek yang ditekankan bagi memastikan semasa pembelajaran berlaku pelajar mendapat pengetahuan yang baru.

Seseorang yang telah memasuki institusi pengajian tinggi mempunyai pelbagai harapan yang perlu dipenuhi. Harapan ayah bonda, harapan adik beradik dan harapan anak bangsa yang inginkan kejayaannya. Manakala pelajar pula mempunyai tanggungan yang besar untuk melaksanakan harapan tersebut serta memastikan impian setiap individu yang terlibat tidak dikecewakan. Antara aktiviti yang terlibat dalam proses pembelajaran dan pencarian ilmu adalah pembacaan. Pembacaan merupakan aktiviti yang dilakukan oleh segenap lapisan pelajar. Tujuan pelajar membaca adalah

berbeza tetapi secara lazimnya adalah untuk mendapatkan maklumat dan ilmu bagi memenuhi tujuan yang berbeza juga.

Apa Itu Pembacaan?

Pembacaan adalah aktiviti asas yang dilakukan untuk mencari ilmu. Dalam zaman ledakan maklumat atau ‘*information explosion*’ ini terdapat pelbagai media penyebaran maklumat dihasilkan. Bagaimanapun bahan bacaan bercetak masih merupakan bahan yang digemari kerana ia boleh digunakan di mana sahaja serta tidak memerlukan apa jua alat untuk digunakan. Membaca merupakan aktiviti atau kemahiran yang membolehkan kita menguasai bahasa dan memahami isi, kandungan atau maklumat yang pelbagai aneka. Kepantasan dan kefasihan membaca merupakan elemen yang amat penting. Pelajar yang gemar membaca akan berminat dalam apa jua yang dibaca serta mendapatkan ilmu dari apa yang dibaca. Seseorang itu mestilah menjadi pembaca sukarela, iaitu membaca secara rela hati dan akan berbuat demikian kerana dorongan hatinya. Semasa membaca pengaliran maklumat berlaku. Pembacaan dan kedapatan ilmu baru ini juga merupakan salah satu hasilan dari pembelajaran. Ia menyebabkan seseorang itu mempunyai *declarative knowledge* atau mengetahui dan boleh menyatakan tanpa merujuk kepada apa jua bahan. Pengetahuan ini diperolehi oleh kita sepanjang masa. Kebanyakan dari jenis pengetahuan ini bukan sahaja diperolehi semasa membaca tetapi semasa interaksi, menghadiri ceramah atau dipelajari secara formal dalam bilik kuliah. *Declarative* atau *verbal knowledge* juga merupakan salah satu aset yang dipunyai oleh manusia dan ia memberikan keupayaan kepada manusia untuk menyebarkan maklumat kepada mereka yang terdekat dengan kita. Ia merupakan pengetahuan yang tersusun atau *organized bodies of knowledge* yang dianggap sebagai maklumat yang

berbentuk fakta, prinsip, pengetahuan am dan maklumat umum yang diperlukan serta disimpan dalam ingatan kita dalam pelbagai bentuk seperti rajah, ayat, lakaran atau gambar. Berdasarkan pengetahuan ini, yang terdapat dalam ingatan kita, ia boleh dinyatakan atau mendapatkannya kembali apabila diperlukan dalam bentuk lisan, percakapan atau penulisan.

Kajian Minat Membaca

Berdasarkan kajian minat membaca di kalangan rakyat Malaysia yang telah dijalankan oleh Perpustakaan Negara Malaysia dan Frank Small (1996), 87% rakyat Malaysia yang berumur 10 tahun ke atas membaca surat khabar, majalah, buku dan komik. Berdasarkan umur, didapati masyarakat yang berumur 15-44 tahun lebih suka membaca surat khabar, manakala mereka yang berumur 15-34 tahun membaca majalah. Menurut kajian itu juga minat membaca rakyat Malaysia akan menurun untuk semua jenis bahan apabila umur meningkat.

Jika kita beranggapan bahawa umur pelajar secara purata adalah di dalam lingkungan 15-24 tahun, golongan ini rajin membaca surat khabar (90%), majalah (66%), buku (72%), dan komik (48%). Tujuan mereka membaca bahan-bahan tersebut adalah untuk tujuan senggang, memenuhi keperluan pekerjaan dan untuk pelajaran. Secara spesifik mereka membaca untuk mendapatkan pengetahuan, merupakan kaedah yang paling baik untuk memenuhi masa lapang, untuk mengetahui keadaan semasa dan untuk mendapat maklumat mengenai sesuatu perkara. Melalui kajian ini telah diketahui bahawa terdapatnya peningkatan minat membaca di kalangan masyarakat sejak kerajaan menjalankan pelbagai projek seperti gerakan membaca, bulan membaca dan mewujudkan

perpustakaan dan pusat sumber di balai raya, di kampung dan bandar serta perpustakaan bergerak untuk kegunaan masyarakat umum. Melalui agensi maklumat seperti ini masyarakat telah mendapat pendedahan dan akses kepada bahan maklumat yang pelbagai yang boleh memaju dan meningkatkan keinginan masyarakat untuk membaca. Di universiti dan kolej juga telah dijalankan program-program yang berbentuk akademik bagi masyarakatnya berdekatan dengan ilmu dan pengetahuan.

Pembacaan dan Pertambahan Ilmu

Pembacaan boleh dilakukan dalam pelbagai cara. Anda mungkin mengambil buku dan secara sepantas lalu membacanya dan ini dilakukan untuk mengenal pasti adakah buku itu harus dibaca atau apa yang dicari terdapat di dalamnya. Dalam pembacaan kaedah ini anda akan meninjau pendahuluan buku itu untuk mengetahui tujuan penulis menghasilkan karya tersebut, melihat kandungan untuk mendapat secara umum apa yang dibincangkan, serta melihat akan indeks buku yang terdapat di belakang buku untuk mengetahui adakah konsep atau perkataan yang dicari dijelaskan dalam buku tersebut. Indeks buku juga dirujuk untuk mendapatkan gambaran akan konsep-konsep penting yang diperbincangkan dalam buku tersebut. Kemungkinan juga anda akan melakukan perbandingan dengan buku lain yang telah dibaca atau dirujuk mengenai perkara yang sama. Setelah anda mendapat secara ringkas apa yang diperbincangkan dalam buku tersebut anda perlulah melihat akan bab-bab yang terdapat untuk melihat bagaimana penulis telah mengolah isu atau konsep yang ingin diperjelaskan. Jika terdapat objektif kandungan untuk setiap bab maka petunjuk itu dijadikan asas untuk mengetahui kesesuaian buku itu perlu dibaca atau dirujuk. Jika anda fikir buku itu mempunyai

kepentingannya tersendiri maka bacalah beberapa halaman bagi mendapat senario topik atau bahan yang diperbincangkan. Membaca buku dengan menggunakan kaedah ini dipanggil membaca sekilas pandang, yang bertujuan untuk mendapatkan apa yang terdapat pada buku tersebut, dan membuat keputusan adakah wajar buku itu dibaca keseluruhannya. Kaedah pembacaan ini juga dilakukan sebelum anda membuat keputusan untuk membeli sesebuah buku.

Pembacaan juga dipengaruhi dengan kadar membaca. Adakala kita membaca dengan pantas dan ini dilakukan terutamanya semasa kita hendak mencari maklumat atau konsep yang dikehendaki. Adakala kita membaca dengan teliti untuk memahami apa yang dinyatakan oleh pengarang. Oleh itu kadar membaca, dipengaruhi dengan tujuan mengapa kita membaca bahan tersebut. Pembacaan penelitian dilakukan dengan cepat kerana kita membaca untuk mendapatkan skop secara pintas lalu bahan yang dirujuk, manakala membaca untuk penganalisisan, memerlukan masa yang agak lama kerana anda perlu memastikan apa yang ditulis difahami dan boleh dihuraikan kembali. Untuk menjadi pembaca yang baik anda perlu memahami pelbagai teknik pembacaan yang ada.

Secara asasnya dalam kita membaca, beberapa pertanyaan selalu berkisar dalam pemikiran kita. Aspek pertama yang selalu menjadi tanda tanya kita apabila membaca ialah tujuan penulis itu menghasilkan bahan tersebut. Apakah mesej atau ilmu atau maklumat yang ingin disampaikan kepada pembaca? Selalunya jawapan ini diperolehi melalui pendahuluan, atau sinopsis kepada bahan tersebut. Ini merupakan satu impak yang penting kerana ia akan menentukan tindakan selanjutnya; adakah buku itu akan dibaca dan memenuhi keperluan kita atau sebaliknya?.

Kadang-kadang kewibawaan penulis itu juga menjadi tarikan kepada kita mengenai kejituhan serta kefasihan penulis membincangkan perkara yang ingin diperkatakan. Kemudian kita akan menilai bagaimana penulis telah membincang atau mengolah perkara yang diutarakan dan adakah olahan atau gaya penulisannya dapat menerangkan atau meyakinkan kita akan konsep atau ilmu yang ingin disampaikan.

Masyarakat Membaca

Jika kita lihat masyarakat Malaysia kini, rata-rata kita sesama sendiri menyatakan bahawa kita adalah masyarakat yang progresif, harmoni serta mempunyai ciri-ciri seorang insan yang mematuhi kehendak Tuhan. Mungkin juga kita akan menyatakan kita adalah masyarakat yang materialistik! Pelajar yang dilahirkan juga adalah pelajar yang mempunyai kemahiran dan ilmu serta ciri-ciri yang dikehendaki oleh masyarakat. Tetapi adakah pelajar yang dilahirkan ini juga merupakan masyarakat yang mempunyai elemen membaca dan masyarakat yang berfikir? Jika kita lihat akan penekanan yang diberi dalam kurikulum ia lebih berat terhadap menyemaikan kemahiran dan pengetahuan teknikal yang membolehkan mereka bekerja dan mendapat ganjaran. Penekanan terhadap ilmu atau *knowledge* tidak ditekankan. Peter Druker (1986) telah menekankan bahawa masyarakat yang akan maju adalah masyarakat yang berpengetahuan. Beliau menganggap atau menyatakan pengetahuan itu sebagai satu komoditi dan aset kepada masyarakat. Masyarakat yang berpengetahuan akan aktif melakukan inovasi dan akan meningkatkan produktiviti. Ini disebabkan pekerja yang berpengetahuan akan menggunakan pengetahuan tersebut dalam pekerjaannya dan akan secara tidak langsung berlakunya peningkatan produktiviti dan tercetusnya idea dan produk yang baru. Pencarian ilmu merupakan satu sifat yang

perlu disemaikan. Aktiviti pembacaan merupakan sesuatu yang kerap diperkatakan.

Bagaimanapun rata-rata dikatakan pelajar kurang membaca, rakyat Malaysia membaca hanya dua buah buku setahun dan sebagainya memberi implikasi yang tersendiri kepada kita terutamanya mereka yang dalam proses pencarian ilmu. Bagi memastikan pelajar rajin membaca, mereka perlu mempunyai maksud yang jelas mengenai tujuan mereka membaca. Dan asasnya membaca adalah untuk mendapatkan ilmu, membaca adalah merupakan jambatan ilmu, orang yang membaca adalah orang yang berilmu. Selain daripada mengetahui tujuan membaca kita juga mesti mengetahui teknik membaca supaya membaca itu bukan satu aktiviti yang menjemu. Mengetahui kaedah membaca dengan betul akan menjadi perbuatan itu satu perbuatan yang mendatangkan faedah yang tersendiri kepada orang yang melakukannya. Perkara yang ketiga ialah pendedahan kepada bahan atau buku yang pelbagai bagi memenuhi cita rasa atau keperluan seseorang itu membaca. Pastikan kita bukan hanya membaca untuk tujuan akademik sahaja tetapi kita membaca sebagai satu aktiviti harian yang mempunyai kesan sepanjang hayat terhadap perkembangan diri kita. Oleh itu jadikan pembacaan itu sebagai satu kerja harian kerana hasil daripada pembacaan tidak ada nilai bandingnya.

Kesimpulan

Pelajar adalah merupakan tunjuk kepada pembangunan negara dalam melahirkan masyarakat yang progresif dan intelektual. Oleh itu seseorang pelajar perlulah mempunyai jiwa jati dan kental serta berwawasan untuk menjadikan negara ini sebuah negara progresif yang berteraskan kepada ilmu dan pengetahuan. Masyarakat yang ingin kita wujudkan adalah

masyarakat intelektual yang profesional serta produktif dan berinovatif. Perkembangan negara kita adalah selaras dengan *The Way Forward* yang menekankan kepada pembangunan teknologi dengan masyarakat yang masih mempunyai nilai-nilai murni yang mementingkan dan menjadikan pengetahuan dan maklumat sebagai teras kehidupan; masyarakat yang berasaskan ilmu atau *a knowledge-based society*.

Bibliografi

Clever, Betty P (1986). "Thinking About Information: Skills For Lifelong Learning." *School Library Media Quarterly*. 16(1), hlm. 29-31.

De Bono (1990). *I Am Right, You Are Wrong*. London: Viking.

Drucker, P.F (1986). *The Frontiers of Management*. Heinemann, New York. Englewood Cliff: Prentice Hall.

Gagne, Robert M & Driscoll, Marcy Perkins (1988). *Essentials of Learning for Instructors*.

Hiscock, J.E. (1986). Does Library Usage Affect Academic Performance?" *Australian Academic & Research library*. 17 (December). Hlm. 207-214.

Institut Pengurusan Malaysia (1999). *Management in Malaysia*. Kuala Lumpur.

Perpustakaan Negara Malaysia (1998). *Reading Habits in Malaysia*. Kuala Lumpur.

Peter, T and Waterman, R (1986). *In Search of Excellence*. New York: Harper & Row.